

14/07/2004

Tiada sebab persoal pelantikan PM, TPM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah memberikan jawapan yang begitu jelas berhubung persoalan yang ditimbulkan Ahli Parlimen DAP Kepong, Dr Tan Seng Giaw, mengenai kemungkinan bukan Bumiputera dilantik menjawat jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, kelmarin. Jawapan itu sepatutnya menutup tirai sebarang bentuk pertanyaan mengenai persoalan yang sama pada masa akan datang. Persoalan itu ditimbulkan sedangkan ia bukanlah satu isu yang dipercakapkan rakyat. Jika rakyat jelata tidak pernah membangkitkan isu itu, mengapa ia harus dicanangkan lagi.

Selepas negara ini dipimpin oleh lima Perdana Menteri, apakah masalah yang menghantui rakyat? Rakyat terus hidup aman, ekonomi terus berkembang dan hubungan sesama rakyat terus erat. Urusan pelantikan Perdana Menteri yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, manakala pelantikan Timbalan Perdana Menteri oleh Perdana Menteri berjalan lancar. Rakyat pelbagai kaum terus memberi sokongan padu kepada pemimpin negara. Penjelasan Abdullah yang mengatakan tradisi pelantikan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri daripada kalangan orang Melayu beragama Islam akan terus dikekalkan, perlulah diterima dengan hati terbuka. Tidak ada sebab isu itu dibangkitkan kerana selama ini rakyat semua kaum dilayan dengan adil dan saksama. Tidak ada pihak yang boleh mempertikaikan amalan itu diterima baik oleh majoriti rakyat pelbagai kaum di negara ini. Jika ada pihak yang mengharapakan peraturan itu diubah, ia hanyalah igauan politik mereka.

Selagi Umno, sebagai tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN) meneraju negara ini, kita tidak nampak sebab tradisi pelantikan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri perlu diubah. Parti komponen BN merestui sistem yang sudah pun sehati dengan jiwa rakyat. Semua Perdana Menteri, bermula dengan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra diikuti Allahyarham Tun Abdul Razak, seterusnya Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara dan kini Abdullah, sedikitpun tidak menjejaskan masalah pengurusan negara atau menguruskan rakyat. Peristiwa 13 Mei 1969 bukan tercetus akibat masalah pelantikan Perdana Menteri tetapi ekoran daripada keputusan pilihan raya ketika itu. Kemenangan kerajaan BN dalam pilihan raya umum yang lalu sekali lagi menunjukkan tidak ada masalah dalam sistem pelantikan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

(END)